

8 JENIS GAYA KEPIMPINAN YANG ANDA WAJIB TAHU



DANIEYA ENERGY

BE BOSS #1

03 PENDAHULUAN

05 GAYA DEMOKRASI

06 GAYA DIKTATOR

07 GAYA LAISSEZ-FAIRE

08 GAYA BERSTRATEGI



8

GAYA KEPIMPINAN

09 GAYA TRANSAKSIONAL

10 GAYA TRASFORMASI

11 GAYA COACH-STYLE

12 GAYA BIROKRASI

13 CONTOH GAYA KEPIMPINAN

14 PENUTUP



PENDAHULUAN



8 JENIS GAYA KEPIMPINAN

"Sebagai pemimpin yang baik..."

Bagaimana anda menghabiskan ayat tersebut menunjukkan gaya kepemimpinan anda. Sebagai seorang pemimpin, anda perlu sentiasa mengubah gaya kepemimpinan anda supaya sesebuah organisasi itu dapat berkembang dengan lebih maju.

Tetapi untuk menjadi pemimpin yang lebih baik, anda harus tahu gaya kepemimpinan anda sekarang dan gaya kepemimpinan apa yang anda boleh guna dimasa akan datang supaya anda menjadi pemimpin yang lebih baik.

Untuk membantu anda mengetahui setiap gaya kepemimpinan, E-book ini akan mengajar anda **8 Jenis Gaya Kepimpinan** yang kerap digunakan kepada staf dalam sesebuah organisasi dan syarikat.



**"IF YOUR
ACTIONS
INSPIRE
OTHERS TO
DREAM MORE,
LEARN MORE,
DO MORE AND
BECOME
MORE, YOU
ARE A
LEADER."**

-JOHN QUINCY ADAMS



WWW.DANIEYANERGY.COM



#1 MEMIMPIN SECARA DEMOKRASI

Kepemimpinan Demokratik adalah pemimpin yang membuat keputusan berdasarkan pandangan setiap ahli pasukan.

Walaupun perlu membuat keputusan *last minute*, pemimpin dengan gaya demokrasi ini tidak akan mengenyahkan pandangan staf yang lain dan masih meminta dan mengambil kira pandangan setiap staf.

Kepimpinan Demokratik adalah salah satu gaya kepimpinan yang paling berkesan kerana membolehkan staf memberi pandangan dan dengan cara ini juga mereka dapat membantu staf tersebut untuk lebih menonjol dan dapat diperlihatkan keupayaan dan kelebihan setiap staf.

Sebagai contoh, gaya ini sesuai digunakan pada staf yang berpersonaliti positif, selalu ingin belajar sesuatu dan bersikap terbuka untuk menerima pandangan orang lain.



#2 MEMIMPIN SECARA DIKTATOR

Gaya Pimpinan Diktator ini berbeza dengan **Gaya Pimpinan Demokrasi**. Pemimpin ini lebih ingin membuat keputusan dengan sendirinya dan mereka tidak mahu menerima pandangan staff mereka. Pemimpin ini lebih menggunakan **kuasa mutlak** untuk membuat keputusan.

Kebanyakan berpendapat, mereka tidak bersetuju dengan gaya **Pimpinan Diktator**. Mereka lebih mahukan kepimpinan secara terbuka dan boleh menerima semua sudut pandangan. Tetapi sebenarnya masih ada sesetengah staf yang patut diberi layanan dengan gaya **Kepimpinan Diktator**.

Gaya pimpinan ini sesuai untuk staf yang selalu berfikiran negatif dalam sesuatu perkara. Staf yang leka, tidak focus, yang selalu mengelak dari diberi kerja, memberi banyak alasan atau yang mempunyai ramai pekerja "**low skills**" di bawahnya.



#3 MEMIMPIN SECARA LAISSEZ-FAIRE

"**Laissez-Faire**" adalah dari perkataan Perancis yang bermaksud "**Let Them Do**".

Gaya pimpinan ini adalah dengan memberi sepenuh kepercayaan kepada staf untuk membuat kerja mereka sendiri. Pimpinan dengan gaya ini, kebiasaannya tidak meletakkan polisi "**dateline**" kepada staff mereka. Mereka memberikan sepenuh kebebasan dan kepercayaan penuh kepada staf mereka.

Beberapa syarikat memang menggunakan gaya pimpinan seperti ini. Tetapi ia juga perlu dipantau dari masa ke semasa. Kebiasaannya pemimpin yang menggunakan gaya **Pimpinan "Laissez-Faire"** ini hanya pada staf yang telah lama bekerja dengan mereka.

Kebaikkannya, pemimpin yang memberi kepercayaan kepada staf, pasti akan mendapat kepercayaan dari staf mereka juga. Dan secara tak langsung staf juga boleh bekerja dengan senang hati tanpa sebarang tekanan.

Tetapi ada juga keburukannya, syarikat juga susah untuk berkembang dan pergi lebih jauh kerana tiada desakkan untuk sesuatu perkara. Bimbang sekiranya staf terlampau lama berada dalam "**comfort zone**", mereka akan hilang minat dan tidak mahu berusaha untuk membantu syarikat menjadi lebih maju.



#4 MEMIMPIN SECARA BERSTRATEGI

Pemimpin dengan **Gaya Berstrategi** ini duduk di tengah-tengah antara operasi dan peluang untuk membangunkan syarikat kerana mereka masih boleh menitik beratkan setiap keadaan dan memastikan staf mereka berada dalam keadaan stabil sewaktu bekerja.

Gaya kepimpinan sebegini adalah yang paling diinginkan oleh kebanyakan syarikat, mereka boleh mengatur strategi untuk meyelaraskan sesuatu organisasi dan dalam masa yang sama mereka masih boleh menjaga pelbagai jenis personaliti staf di bawah mereka dalam satu masa.

Mereka berbakat besar dan mampu untuk membantu sesebuah syarikat atau organisasi untuk pergi jauh dan berkembang dengan maju.



#5 MEMIMPIN SECARA TRANSAKSIONAL

Gaya Memimpin secara Transaksional sudah menjadi kebiasaan pada zaman sekarang. Pemimpin biasanya akan memberi "**reward**" kepada staf di bawah mereka sekiranya staf mereka berjaya melakukan sesuatu kerja. Kebiasaanya, staf di bahagian *Marketing & Sales* yang digunapakai gaya **Transaksional**. Kebiasaan staf *Marketing & Sales* ini akan diberikan "**reward**" seperti bonus atau insentif sekiranya mereka mencapai satu target yang mereka dah set.

Gaya memimpin secara **Trasaksional** boleh memotivasikan staf untuk bekerja keras tetapi mereka harus sentiasa mengingatkan kepada staf mereka untuk sentiasa konsisten dalam kerja bagi membantu syarikat mencapai matlamat. Bonus, staf juga akan merasa lebih dihargai dan mereka akan usaha lebih untuk membantu syarikat.



#6 MEMIMPIN SECARA TRANSFORMASI

Gaya Kepimpinan secara Transformasi akan sentiasa "*transform*" dan sentiasa menambatkan sesebuah organisasi.

Walaupun staf sudah menyiapkan tugas yang diberi dan mencapai matlamat sebuah organisasi tetapi pemimpin jenis ini akan tetap sentiasa mendorong staf mereka untuk memberi lebih dan membawa mereka keluar dari dalam "*comfort zone*".

Pada awalnya, pemimpin jenis ini akan memberikan senarai matlamat yang harus dicapai oleh staf mereka. Sekiranya staf berjaya untuk mencapai semua matlamat, pemimpin akan mengubah matlamat atau menambah polisi dengan memberi "*dateline*" untuk mereka penuhi. Jika sesuatu matlamat itu nampak mudah, pemimpin ini pasti akan memberi matlamat lain yang lebih mencabar untuk staf mereka capai.

Ini adalah untuk menggalakkan kepimpinan mereka berkembang selari dengan perkembangan syarikat atau organisasi dan mampu memotivasikan staf mereka untuk melihat apa yang mereka mampu lakukan.



#7 MEMIMPIN SECARA "COACH-STYLE"

Sama seperti jurulatih dalam kumpulan sukan, pemimpin akan mengenal pasti kekuatan setiap ahli kumpulan. Pemimpin juga akan meneliti strategi yang membolehkan mereka untuk bekerjasama.

Gaya seperti ini terdapat persamaan dengan **Gaya Strategi** dan **Gaya Demokrasi**, tetapi lebih kepada mengembangkan lagi kemahiran staf mereka.

Dari fokus kepada satu kemahiran dan matlamat, pemimpin lebih focus untuk membantu setiap staf menjadi lebih pakar dalam kemahiran mereka sendiri. Untuk jangka masa panjang, pemimpin dengan gaya ini lebih fokus untuk memperkuatkan kerjasama dalam kumpulan supaya kumpulan boleh berkomunikasi dengan lebih lancar dan boleh kerjasama dengan baik.

Tambahan, pemimpin dengan gaya seperti ini, kebiasaannya akan cuba untuk memberi tugas baru kepada staf, membimbing mereka dan membincangkan semula perkembangan mereka dan menerima dengan terbuka maklum balas dari setiap staf.



#8 MEMIMPIN SECARA BIROKRASI

Kepimpinan Gaya Birokrasi lebih mengikut teori dan tak boleh berfikir luar kotak. Pemimpin seperti ini boleh mendengar dan mempertimbangkan setiap idea dah staf mereka.

Pemimpin dengan gaya birokrasi ini biasanya lebih traditional atau pemimpin dalam syarikat yang lama. Kebiasaanya jika ada sesiapa yang ingin menukar polisi atau mengubah apa-apa kepada benda baru, pemimpin dengan gaya birokrasi akan menolak cadangan mereka itu.

Pemimpin birokrasi ini percaya jika sesebuah organisasi telah berjaya dalam keadaan sama seperti dahulu, jadi tiada apa lagi yang perlu diubah atau dibaikpulih kerana mereka fikir dengan melakukan perkara baru boleh merugikan masa, tenaga dan duit sekiranya gagal.

Staf di bawah **Kepimpinan Birokrasi** tidaklah rasa mereka dikawal seperti di bawah **Kepimpinan Diktator** tetapi mereka akan merasakan yang mereka tiada kebebasan untuk menjadi lebih **kreatif** atau **berinovasi** dalam melakukan tugas mereka. Tambahan lagi, hal ini juga menyebabkan sesebuah organisasi itu berada di takut lama dan sangat susah untuk berkembang seiring dengan perkembangan ekonomi dunia serta susah untuk bersaing dengan pesaing yang lain.

BILA PATUT GUNA GAYA KEPIMPINAN

GAYA KEPIMPINAN	BILA ANDA GUNAKAN
DEMOKRASI	<ul style="list-style-type: none"> • Bila staf anda pakar dalam kerjanya • Bila staf anda dari golongan professional • Sentiasa berkongsi maklumat dengan staf • Apabila mahu membuat keputusan bersama • Mengumpul maklumat dari staf sebelum membuat keputusan
DIKTATOR	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk staf yang baru mula bekerja • Staf yang tidak response kepada gaya kepimpinan lain • Sekiranya memerlukan pengeluar dengan jumlah yang tinggi • Ketika kesuntukkan masa untuk membuat keputusan • Kuasa Pengurus dicabar oleh staf
LAISSEZ-FAIRE	<ul style="list-style-type: none"> • Apabila bekerja dengan staf yang berpengalaman, berkemahiran tinggi atau berpelajaran • Apabila staf anda mempunyai track record yang cemerlang • Apabila mempunyai staf yang sangat bangga dengan kerja mereka dan bermotivasi tinggi • Apabila anda mempunyai staf yang boleh dipercayai dan berpengalaman
BERSTRATEGI	<ul style="list-style-type: none"> • Apabila anda sedang menguruskan sebuah syarikat atau organisasi • Apabila tugas memerlukan pemikiran yang kreatif dan keputusan yang tepat • Apabila tugas melibatkan multi-tasking
TRANSAKSIONAL	<ul style="list-style-type: none"> • Apabila anda ingin menaikkan semangat staf anda • Apabila anda ingin memberi penghargaan kepada staf anda • Apabila anda rasa staf anda telah memberikan yang terbaik sehingga mencapai target jualan • Sesuai untuk staf dari bahagian Sales & Marketing
TRANSFORMASI	<ul style="list-style-type: none"> • Bila anda mempunyai rancangan jangka masa panjang • Apabila anda mahu staf anda berjaya bersama dengan anda dalam menjayakan rancangan anda • Apabila anda dilihat sebagai idola oleh staf anda • Langsung tidak sesuai kalau anda tidak dikenali dan tiada track record yang cemerlang
COACH-STYLE	<ul style="list-style-type: none"> • Apabila anda mahu staf melaksanakan sesuatu tugas dengan bimbingan anda • Apabila kemahiran staf anda perlu digilap dan anda tahu staf anda mempunyai potensi • Apabila anda mahu meningkatkan imej organisasi di mata pengguna
BIROKRASI	<ul style="list-style-type: none"> • Tugas dan rutin harian yang berulang • Perlu menuruti prosider yang ditetapkan • Pekerjaan atau penggunaan yang merbahaya • Apabila memberi latihan sekuriti atau latihan keselamatan • Pekerja yang melibatkan kewangan atau barang berharga

PENUTUP



8 JENIS GAYA KEPIMPINAN DARI DANIEYA ENERGY

Kesimpulannya, anda sebagai pemimpin perlu tahu gaya apa yang perlu digunakan dalam sesebuah organisasi atau syarikat. Penting untuk diketahui yang semua personaliti staf tidak akan sama dan tidak mungkin satu gaya boleh dipakai untuk semua staf.

Gaya kepimpinan anda bergantung kepada personality staf dan keadaan semasa. Tidak salah untuk mencampur aduk gaya anda dalam berurusan dengan staf.

Yang penting, organisasi anda mencapai matlamatnya dan pada masa yang sama staf anda juga gembira dan berpuas hati.

Organisasi yang berjaya tanpa mengambil kira kepuasan hati staf tidak akan kekal lama.

